

# Principal Singapore Equity Fund



## Mengapa Singapura menjadi pilihan?

Kini, Singapura sudah berubah menjadi hab kewangan terunggul, menarik pelaburan daripada seluruh dunia, dan membuka landasan untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.<sup>1</sup>

Seiring dengan perkembangan dunia, Singapura sedang dikelilingi oleh pintu-pintu peluang yang membuka laluan untuk pelaburan pendapatan dan pelaburan pertumbuhan.<sup>1</sup>

### Pertumbuhan kompaun yang stabil

Sejak tahun 2010, kompaun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Singapura adalah 4.8% setahun, berbanding kompaun dunia iaitu 2.4% setahun.<sup>2</sup>

### Kekuatan ekonomi telah mengukuhkan kedudukan mata wang

Pertumbuhan KDNK yang kukuh<sup>2</sup> membantu kekuatan Dolar Singapura.



## Mengapa Principal Singapore Equity Fund?

### 1 Pertumbuhan pendapatan dan modal



Pasaran ekuiti Singapura menawarkan hasil dividen yang menarik berbanding pasaran Asia lain, menjadikan negara ini ideal untuk para pelabur pendapatan, di samping menyediakan potensi pertumbuhan yang kukuh.<sup>3</sup>

### 2 Penerima manfaat daripada potensi pertumbuhan Asia



Kebangkitan Singapura sebagai hab yang dinamik bagi syarikat global dan modal yang memanfaatkan kisah pertumbuhan Asia.

### 3 Pasukan pelaburan yang mantap



Diuruskan oleh pasukan kami yang berpengalaman, mempunyai pengetahuan serta kepakaran tentang pasaran tempatan, serta mendapat sokongan sumber global yang luas.

<sup>1</sup> Sumber: Enterprise Singapore, Why Singapore, Ogos 2024

<sup>2</sup> Sumber: World Bank DataBank, SingStat, setakat Mei 2024. Untuk tujuan ilustrasi sahaja.

<sup>3</sup> Sumber: LSEG Datastream dan Refinitiv setakat 23 Sep 2024. Semua pulangan dalam USD. Nota: Indeks MSCI Singapura mempunyai hasil dividen purata 10 tahun sebanyak 4.35% berbanding Indeks MSCI AC Asia selain Jepun yang mempunyai hasil dividen purata 10 tahun sebanyak 2.8%. Sepanjang tempoh 20 tahun, Pulangan Keseluruhan Indeks MSCI Singapura adalah 304.22% berbanding 88.71% pulangan harga. Prestasi lalu tidak menggambarkan prestasi masa hadapan dan mungkin tidak berulang.

# Melabur dengan Principal

**Manfaatkan peluang istimewa** yang ditemui oleh lebih daripada 1,000 profesional pelaburan yang berada di seluruh Asia, kami mencipta penyelesaian tersuai untuk memenuhi keperluan unik pelanggan kami.

**Manfaatkan keupayaan global** dengan menggabungkan kepakaran pelaburan global kami dengan lancar, proses yang canggih dan rekod prestasi yang terbukti, kami meningkatkan peluang yang menarik untuk pelanggan kami.

**Pengalaman transformatif di Asia** dengan pengalaman pelaburan selama tiga dekad dan pengetahuan pasaran yang mendalam, kami memahami keperluan dan aspirasi yang berkembang bagi pelanggan kami di seluruh Asia.

## Fakta Dana

Objektif Dana (Fund Objective)	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dan pendapatan melalui satu skim pelaburan kolektif iaitu Schroder Singapore Trust
Penanda Aras (Benchmark)	Dana ini mematuhi penanda aras dana sasaran hanya sebagai perbandingan prestasi. Penanda aras prestasi dana sasaran ialah Straits Times Index (STI).
Pengurus (Manager)	Principal Asset Management Berhad
Dana Sasaran (Target Fund)	Schroder Singapore Trust
Pengurus Dana Sasaran (Target Fund Manager)	Schroder Investment Management (Singapore) Ltd
Mata wang asas	SGD
Kelas unit	MYR, MYR-hedged, SGD, USD, JPY-hedged
Yuran pemohonan	Sehingga 5.00% Nilai Aset Bersih (NAB) seunit
Yuran pengurusan	Sehingga 1.80% setahun daripada Nilai Aset Bersih (NAB) bagi kelas berkenaan.
Yuran pemegang amanah	Sehingga 0.03% setahun daripada NAB (termasuk yuran custodian tempatan tetapi tidak termasuk yuran dan caj sub-custodian luar negara). Yuran sub-custodian luar negara bergantung pada negara pelaburan itu dibuat dan akan dikenakan secara bulanan secara tertunggak.
Tempoh bertenang	<p>Bagi pelabur individu yang melabur dengan kami buat kali pertama, anda mempunyai enam (6) hari bekerja selepas membuat pelaburan awal anda (iaitu dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh pihak kami atau mana-mana Pengedar kami) untuk pertimbangkan semula kesesuaian dan kewajaran pelaburan tersebut mengikut keperluan anda.</p> <p>Dalam tempoh ini, anda boleh mengeluarkan pelaburan anda pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit yang sama ketika unit-unit tersebut dibeli atau NAB seunit semasa tempoh bertenang (yang mana lebih rendah) ("Amaun Bayaran Balik"). Kami akan membayar Amaun Bayaran Balik termasuk Yuran Permohonan (jika ada) kepada anda dalam mata wang Kelas masing-masing dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh kami menerima dokumentasi lengkap.</p> <p>Proses ini melibatkan penyerahan permohonan pengeluaran Dana kepada Dana Sasaran di mana tempoh proses Dana Sasaran adalah selama tujuh (7) hari bekerja, tetapi ada kalanya akan mengambil tempoh lima belas (15) hari bekerja jika berlaku isu-isu di luar jangkaan seperti isu teknikal, isu berkaitan pasaran asing yang mungkin mempengaruhi perdagangan Dana Sasaran tersebut dan hal-hal lain. Selepas itu, pembayaran akan dibuat kepada anda selepas penerimaan resit hasil pengeluaran daripada Dana Sasaran. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan kami akan membayar hasil pengeluaran kepada anda dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan resit hasil pengeluaran daripada Dana Sasaran.</p>
Yuran penukaran	<p>Penukaran akan dijalankan berdasarkan nilai pelaburan anda dalam Kelas tersebut. Jumlah minimum untuk penukaran tertakluk kepada:</p> <p>Bagi penukaran keluar dari Kelas:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>jumlah pengeluaran minimum yang dikenakan pada Kelas tersebut;</li><li>baki minimum yang diperlukan (selepas penukaran) bagi Kelas tersebut, melainkan jika anda mengeluarkan keseluruhan pelaburan daripada Kelas tersebut; dan</li><li>Penalti Pengeluaran bagi Kelas tersebut (jika ada);</li></ul> <p>Bagi penukaran masuk ke dalam Kelas:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>jumlah pelaburan awal minimum atau jumlah pelaburan tambahan minimum (mana yang berkenan) yang dikenakan pada Kelas tersebut; dan</li><li>yuran penukaran yang terpakai bagi penukaran yang dicadangkan (jika ada).</li></ul> <p>Anda boleh membuat rundingan dengan pihak kami atau Pengedar kami untuk mengurangkan jumlah bagi penukaran anda.</p>
Pemindahan	Kami mempunyai hak (mengikut budi bicara mutlak kami) untuk membenarkan atau menolak pemindahan unit, tertakluk pada Terma dan Syarat yang mungkin ditetapkan dalam Perjanjian.

	Unit Kelas				
	Kelas MYR	Kelas MYR-hedged	Kelas SGD	Kelas USD	Kelas JPY-hedged
Pelaburan permulaan minimum	MYR 1,000 atau amaun lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa	MYR 1,000	SGD 1,000	USD 1,000	JPY 1,000
Pelaburan tambahan minimum	MYR 100 atau amaun lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa	MYR 100	SGD 100	USD 100	JPY 100
Pengeluaran minimum		100 unit atau jumlah unit yang kami tentukan dari semasa ke semasa			
Baki minimum		100 unit atau jumlah unit yang kami tentukan dari semasa ke semasa			



Untuk mendapatkan maklumat, sila layari [www.principal.com.my](http://www.principal.com.my), hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di **(03) 7723 7260** atau WhatsApp di **(6016) 299 9792**, emelkan ke [myservice@principal.com](mailto:myservice@principal.com) atau kunjungi mana-mana cawangan pengedar kami yang sah di seluruh negara.

**Penafian:** Kami sangat mengesyorkan anda membaca dan memahami kandungan Prospektus bagi Principal Singapore Equity Fund bertarikh 25 Oktober 2024, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebelum membuat pelaburan. Simpanlah Prospektus ini dengan teliti untuk dijadikan rujukan masa depan anda. Pengeluaran unit yang berkaitan dengan Prospektus ini hanya akan diproses setelah menerima borang permohonan lengkap yang dirujuk dan disertakan dalam Prospektus, tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di dalamnya. Pelaburan dalam Dana ini mempunyai risiko. Pastikan anda memahami risiko tersebut, membuat penilaian risiko anda sendiri, dan dapatkan nasihat profesional jika perlu. Anda boleh mendapatkan salinan Prospektus daripada ibu pejabat Principal Asset Management Berhad, melalui laman web kami di [www.principal.com.my](http://www.principal.com.my), atau mana-mana pengedar kami yang diluluskan. Terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pelaburan dalam dana ini. Kami mencadangkan agar anda mempertimbangkan yuran dan caj ini dengan teliti sebelum membuat pelaburan. Pelabur berhak untuk meminta Prospektus, Lembaran Sorotan Produk (PHS) dan dokumen pendedahan produk lain; dan dokumen tersebut harus dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, boleh turun naik. Prestasi masa lalu tidak mencerminkan prestasi masa depan dan agihan pendapatan tidak dijamin. Anda juga disyorkan untuk membaca dan memahami kandungan Penyataan Pendedahan Risiko Pembiayaan untuk Pelaburan dalam Unit Amanah sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan bagi membeli unit. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC mengesyorkan atau menyokong dana tersebut, dan SC tidak menyemak iklan yang dikeluarkan oleh Principal.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**Tentang kami:** Principal Malaysia, ialah usaha sama antara Principal Financial Group®, ahli FORTUNE 500® dan perkhidmatan kewangan global tersenarai Nasdaq dan CIMB Group Holdings Berhad, salah satu kumpulan perbankan universal terkemuka di Asia Tenggara. Ia ditubuhkan pada 13 Jun 1994, dengan ibu pejabatnya di Malaysia dan mempunyai cawangan di seluruh Indonesia, Thailand dan Singapura. Kami menawarkan pelbagai jenis penyelesaian untuk membantu orang ramai dan syarikat dalam membina, melindungi dan memajukan kesejahteraan kewangan mereka dengan unit amanah, skim persaraan, mandat budi bicara dan kepakaran pengurusan aset kami. Melalui idea-idea inovatif dan penyelesaian kehidupan sebenar, syarikat membantu melakukan kemajuan kewangan ke arah masa hadapan kewangan yang lebih terjamin untuk pelanggan dari pelbagai saiz pendapatan dan portfolio. Principal, Principal dan reka bentuk simbol, dan Principal Financial Group ialah tandadagangan dan tanda perkhidmatan Principal Financial Services, Inc., ahli Principal Financial Group®. © 2024 Principal Financial Services, Inc.

**Principal Asset Management Berhad** 199401018399 (304078-K)

**Pusat Khidmat Pelanggan**

Tingkat 31, Exchange 106, Lingkaran TRX,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

